

Lima faktor kanak-kanak jadi mangsa kecuaiian

Kuala Lumpur: Ketidakhafaman mengenai had dan perkembangan pemikiran adalah punca utama kanak-kanak menjadi mangsa kecuaiian ibu bapa sehingga ada yang maut dilanggar secara tidak sengaja oleh kenderaan dipandu orang dewasa.

Kajian dan penelitian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai keselamatan kanak-kanak, antara lain turut mengenal pasti lima faktor yang menyebabkan golongan berkenaan sering terdedah kepada risiko, khususnya di rumah.

Pengarah Eksekutif Safe Kids

Malaysia (SKM) Universiti Putra Malaysia, Prof Mayda Dr Kulanthayan KC Mani ketika dihubungi BH, berkata ibu bapa sering mengabaikan beberapa langkah keselamatan kanak-kanak sebelum mengundurkan kenderaan.

“Lazimnya, sebaik memasuki kenderaan, akan terus menghidupkan sistem pendingin hawa dan radio. Ini sikap majoriti pemandu kerana mereka inginkan keselesaan, namun ia menyebabkan gagal untuk mendengar suara atau menyedari ada kanak-kanak di luar.

“Pemandu juga selalunya tidak

menurunkan tingkap kerana percaya peranti pengesan mampu memberi amaran jika kanak-kanak berada di belakang kereta,” katanya mengulas kes bayi berusia setahun, Nur Aminah Zaimin Jasmin yang dilanggar kereta dipandu ibunya, Zaini Daud, di Seremban, kelmarin.

Faktor ketinggian

Zaini yang sedang mengundur kereta dalam kejadian itu, menyedari objek dilanggar yang mulanya disangkakan batu adalah anaknya apabila mendapati Nur Aminah mengalami pendarahan dari hidung, mulut dan telinga sebelum disahkan meninggal dunia di Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) Seremban.

Kulanthayan berkata, pengimbas halangan atau peranti pengesan kereta, gagal mengenal pasti kanak-kanak berusia lapan tahun ke bawah berikutan faktor ketinggian, sekali gus memerlukan pemandu menurunkan tingkap kereta supaya berupaya menyedari pergerakan atau bunyi

kanak-kanak di luar.

“Langkah keselamatan paling mudah adalah dengan memanggil nama anak sebelum mengundur kereta. Kanak-kanak juga mempunyai had tertentu berdasarkan perkembangan fizikal dan mental, sekali gus sering menjadi mangsa kecuaiian ibu bapa.

“Kajian perubatan mengesahkan kanak-kanak usia lapan tahun ke bawah mempunyai sudut penglihatan terhad, iaitu kira-kira satu pertiga daripada orang dewasa. Mereka hanya leka bermain dan mengabaikan keadaan sekeliling kerana tidak dapat melihat objek yang menuju ke arah mereka.

“Mereka juga tidak sedar arah bunyi datang seperti peranti pengesan kenderaan ketika mengundur, selain gagal membezakan sama ada sesuatu objek bergerak atau tidak,” katanya sambil menambah, amalan keselamatan terbaik adalah matikan radio, pendingin hawa serta turunkan tingkap sebelum mengundur kereta.



“*Kajian perubatan mengesahkan kanak-kanak usia lapan tahun ke bawah mempunyai sudut penglihatan terhad, iaitu kira-kira satu pertiga daripada orang dewasa*”

Kulanthayan KC Mani,
Pengarah Eksekutif Safe Kids
Malaysia (SKM)